



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI PULAU PINANG
Jalan Batu Kawan,
14100 Simpang Ampat,
Seberang Perai Selatan,
PULAU PINANG



604-5047222
<http://www.bomba.gov.my>
operasi_png@bomba.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : **JBPM/PP/OPS : 600-3/9 Jld. 3 (12)**
Tarikh : **31 JANUARI 2025**

SENARAI EDARAN

Tuan,

ARAHAN PEMATUHAN – ARAHAN PENGGUNAAN MOTORSIKAL RIM BARU MODEL KAWASAKI VERSYS 650 ABS BAGI KELUARAN OPERASI PENYELAMATAN DAN PEMADAMAN DAN POS 2.1 UNIT TINDAKAN CEPAT BERMOTORSIKAL (*RAPID INTERVENTION MOTORCYCLE*) RIM

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

- Untuk makluman tuan, Bahagian Operasi Kebomgaan dan Penyelamat (BOKP), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia negeri Pulau Pinang (JBPM PP) sentiasa memantau keluaran Pasukan Khas RIM. Bagi memenuhi kehendak jabatan, pihak tuan perlu memastikan setiap keluaran Pasukan Khas RIM mengikut kehendak arahan penggunaan Motorsikal RIM.
- Sehubungan dengan itu, bersama ini dilampirkan **Arahan Penggunaan Motorsikal Rim Baru Model Kawasaki Versys 650 ABS Bagi Keluaran Operasi Penyelamatan Dan Pemadaman dan POS 2.1 Unit Tindakan Cepat Bermotorsikal (*Rapid Intervntion Motorcycle*) RIM** untuk makluman dan perhatian tuan.
- Kerjasama dari semua pihak amat dihargai dan diminta mengambil tindakan sewajarnya.

'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001:2015 & CERTIFIED TO ISO 37001:2016

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(PgKB I KHAIRY BIN SULAIMAN)

b.p Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Negeri Pulau Pinang

S.K : 1. YS Pengarah
2. Timbalan Pengarah

NAA/OPS/PP/JBPM/2025

SENARAI EDARAN

Penolong Pengarah,

Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat

Bahagian Keselamatan Kebakaran

Bahagian Penyiasatan kebakaran

Bahagian Latihan

Bahagian Pengurusan

Bahagian Kejuruteraan

Ketua Zon, Zon Jalan Perak

Ketua Balai, BBP Jalan Perak

Ketua Balai, BBP Bagan Jermal

Ketua Balai, BBP Paya Terubong

Ketua Balai, BBP Lebuhraya Pantai

Ketua Zon, Zon Bayan Lepas

Ketua Balai, BBP Bayan Baru

Ketua Balai, BBP Seri Balik Pulau

Ketua Balai, BBP Balik Pulau

Ketua Balai, BBP Teluk Bahang

Ketua Zon, Zon Perai

Ketua Balai, BBP Perai

Ketua Balai, BBP Bandar Perda

Ketua Balai, BBP Bukit Mertajam

Ketua Balai, BBP Penanti

Ketua Balai, BBP Sungai Bakap

Ketua Balai, BBP Nibong Tebal

Ketua Balai, BBP Batu Kawan

Ketua Zon, Zon Butterworth

Ketua Balai, BBP Butterworth

Ketua Balai, BBP Kepala Batas

Ketua Balai, BBP Tasek Gelugor

Ketua Balai, BBP Kuala Muda

Ketua Balai, BBP Bertam

Ketua Cawangan,

Cawangan Pusat Gerakan Operasi



IBU PEJABAT,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT,
MALAYSIA,
LEBUH WAWASAN, PRECINT 7,
62250 PUTRAJAYA.

Telefon : 603-88880040
Faks : 603-88889127
Laman Web : www.bomba.gov.my
E-mail : operasi@bomba.gov.my



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : JBPM/IP/OPS:600-3/9 Jld.2 (87)

Tarikh : 10 Disember 2019

SEPERTI SENARAI EDARAN

YS Dato'/Tuan,

ARAHAN PENGGUNAAN MOTORSIKAL RIM BARU MODEL KAWASAKI VERSYS 650 ABS BAGI KELUARAN OPERASI PENYELAMATAN DAN PEMADAMAN

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YS Dato'/Tuan, Jabatan telah membuat agihan secara berperingkat perolehan motorsikal RIM baharu Model Kawasaki Versys 650 ABS ke JBPM negeri-negeri pada 18 September 2019.

3. Sehubungan dengan itu, pihak YS Dato'/Tuan adalah dipohon untuk menggunakan motorsikal tersebut bagi tujuan operasi penyelamatan dan pemadaman berkuatkuasa apabila anggota RIM yang terlibat selesai kursus pengendalian motorsikal dan peralatan yang dianjurkan oleh pihak Kawasaki Motor (Malaysia) Sdn. Bhd (KMSB) seperti jadual pelaksanaan kursus di **Lampiran A**.

4. Penugasan Pasukan RIM bersama Motorsikal Model Kawasaki Versys ABS 650 adalah melibatkan :-

- 4.1 Pemadaman kebakaran;
- 4.2 Penyelamatan;
- 4.3 Menjalankan tugas-tugas rondaan;
- 4.4 Bersedia di lokasi strategik/ 'Fire Post' pada waktu puncak;
- 4.5 Latihan/ujian perjalanan;
- 4.6 Lain-lain tugas yang diarahkan berdasarkan Prosedur Operasi Seragam (POS) RIM.

'CEPAT DAN MESRA'



5. Pengoperasian Pasukan RIM akan keluar sebagai 'turn out' bersama jentera pemadam keluaran pertama atau keluar secara berasingan dari jentera pemadam berdasarkan panggilan kecemasan.

6. Diharapkan dengan adanya perolehan baru motorsikal RIM ini, akan dapat meningkatkan imej dan kemampuan jabatan dalam melaksanakan tugas memadam dan menyelamatkan agar 'response time' yang lebih cepat dapat dicapai. Hasrat jabatan agar Pasukan RIM kekal relevan kebolehfungsiannya sebagai 'First Responder' semasa menghadiri insiden kebakaran atau penyelamatan diwaktu puncak dengan berjaya mengharungi kesesakan lalulintas.

7. Keanggotaan dan kesiapsiagaan Pasukan RIM perlu diselaraskan di peringkat balai agar komposisi RIM (**Lampiran B**) dapat berfungsi semasa operasi pemadaman dan penyelamatan. Sebarang pertanyaan pihak YS Dato'/Tuan boleh berhubung dengan PgB Mohamad Issmanto bin Md Pono (012-7319367). Perhatian dan tindakan dari YS Dato'/Tuan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HARON BIN HAJI TAHIR)

b.p. Pengarah

Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

- s.k
- i. YAS Ketua Pengarah
 - ii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

SENARAI EDARAN

1. YS Pengarah JBPM Negeri Selangor
2. YS Pengarah JBPM Negeri Pahang
3. YS Pengarah JBPM Negeri Johor
4. YS Pengarah JBPM Negeri Pulau Pinang
5. YS Pengarah JBPM WP. Kuala Lumpur
6. YS Pengarah JBPM Negeri Perak
7. YS Pengarah JBPM Negeri Kedah
8. YS Pengarah JBPM Negeri Sarawak
9. YS Pengarah JBPM Negeri Sabah
10. YS Pengarah JBPM Negeri Kedah
11. YS Pengarah JBPM Negeri Melaka
12. YS Pengarah JBPM Negeri Sembilan
13. YS Pengarah JBPM Negeri Kelantan
14. YS Pengarah JBPM Negeri Terengganu
15. YS Pengarah JBPM Negeri Perlis
16. YS Pengarah JBPM WP. Putrajaya

LAMPIRAN A

JADUAL KURSUS PERLAKSANAAN KURSUS PENGENDALIAN
MOTORSIKAL RIM BAGI PEROLEHAN 99 UNIT MOTORSIKAL
KAWASAKI VERSYS ABS 650 ANJURAN KAWASAKI MALAYSIA SDN.
BHD. (KMSB)

Siri	Zon	Tarikh	Tempat
1.	Borneo	4 – 8/11/2019	JBPM Sabah
2.	Selatan	25 – 29/11/2019	BBP Nilai, N. Sembilan
3.	Utara	2 – 6/12/2019	ABPM W. Utara
4.	Tengah	16 – 20/12/2019	ABPM W. Tengah
5.	Pantai Timur	13 – 17/1/2020	ABPM W. Timur

LAMPIRAN B

NORMA KOMPOSISI RIM

BIL.	KEANGGOTAAN	GRED	JUMLAH ANGGOTA	KOMPOSISI MOTORSIKAL
1.	Ketua Pasukan RIM	KB22/KB19	1	Motor Rescue
2.	Anggota RIM	KB19	1	Motor Medic
3.	Anggota RIM	KB19	1	Motor Fire
JUMLAH KESELURUHAN			3	



PROSEDUR OPERASI SERAGAM (POS) JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Bahagian II : Pemadaman dan Menyelamat

No POS: 2.1

Subjek:

**UNIT TINDAKAN CEPAT
BERMOTOSIKAL
(Rapid Intervention Motorcycle Unit)
(RIM)**

Bahagian II: Pemadaman / Menyelamat	TERHAD
Subjek: Unit Tindakan Cepat Bermotorsikal (Rapid Intervention Motorcycle) RIM	No POS: 2.1
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan: Jun 2006	Muka Surat: 1/8

1. PENGENALAN

RIM merupakan satu dari kaedah penyelesaian kepada masalah kesesakan jalanraya, jalan yang sempit dan kepadatan penempatan semasa hadir ke tempat kecemasan. Ia adalah hasil inovasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang telah memenangi anugerah tempat ketiga dalam Commonwealth Association for Public Administration and Management (CAPAM) pada tahun 2000.

2. MATLAMAT

- 2.1. Matlamat POS ini adalah untuk menggariskan arahan gerak kerja yang perlu dipatuhi oleh unit RIM dalam memberikan khidmat operasi kebombaanan dengan lebih bersistematik dengan keupayaan menyeluruh kepada asas melawan kebakaran, menyelamat, paramedik dan komunikasi.

3. TAFSIRAN

Kenderaan Jabatan

Merangkumi beberapa jenis kenderaan yang dimiliki oleh JBPM seperti berikut: Fire Rescue Tander (FRT), Rapid Fire Rescue Tander (RFRT), Jentera Tangki Air, Jentera Foam Tander, Kembalik, Van, Lori, Pajero, Naza Ria dll.

Ketua Unit Rim

Pegawai atau anggota terkanan dari segi pangkat. Dalam ketidakhadiran ketua ini, pegawai atau anggota yang terkanan dari segi perkhidmatan hendaklah menjadi ketua.

Jarak yang selamat

Mengekori pada jarak minimum 2 saat daripada kenderaan hadapan.

4. BIDANG KUASA

- 4.1. Seksyen 18 & 19, Akta Perkhidmatan Bomba 1988.
- 4.2. Unit RIM ini diletakkan terus di bawah perintah dan kawalan Pegawai Penjaga Balai di mana unit ini ditempatkan. Pegawai Penjaga Balai berkenaan hendaklah memastikan semua anggota unit ini mematuhi segala arahan yang termaktub dalam POS ini dan lain-lain arahan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.

Bahagian II: Pemadaman / Menyelamat	TERHAD
Subjek: Unit Tindakan Cepat Bermotorsikal (Rapid Intervention Motorcycle) RIM	No POS: 2.1
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan: Jun 2006	Muka Surat: 2/8

Sebarang keraguan atau masalah dalam pengurusan unit ini hendaklah dirujuk kepada Penolong Pengarah Operasi Negeri. Jika timbul sesuatu isu yang tidak termasuk dalam dalam POS ini atau mana-mana arahan jabatan yang lain, Penolong Pengarah Operasi hendaklah merujuk kepada Pengarah Bomba Negeri untuk mendapatkan keputusan.

5. KOMPONEN MOTOSIKAL UNIT RIM

Terdiri daripada tiga buah motorsikal yang memuatkan peralatan asas seperti berikut:

- 5.1. Motor Rescue - memuatkan peralatan menyelamat (Rujuk Lampiran 1)
- 5.2. Motor Pam - memuatkan pam (Rujuk Lampiran 2)
- 5.3. Motor Hos - memuatkan hos (Rujuk Lampiran 3)

(Senarai keseluruhan peralatan, sila rujuk lampiran 4, 4(i) dan 4(ii))

6. TUGAS -TUGAS YANG DIJALANKAN

Anggota Unit RIM ini hendaklah bersedia menjalankan tugas-tugas berikut:

- 6.1. Memadam kebakaran
- 6.2. Menyelamat Kemalangan jalanraya.
- 6.3. Menjalankan tugas - tugas rondaan.
- 6.4. Pameran/ Demonstrasi dan latihan.
- 6.5. Lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.(Rujuk Lampiran 5)

7 MEKANISMA OPERASI

7.1. SEBELUM OPERASI

Pegawai bertanggungjawab perlu menentukan, setiap anggota unit / petugas hendaklah :

- 7.1.1. Sihat diri dari segi fizikal dan mental.
- 7.1.2. Pakaian dan peralatan hendaklah lengkap dan sedia digunakan pada bila – bila masa.
- 7.1.3. Membuat pemeriksaan fizikal terhadap motorsikal dan peralatan operasi pada motorsikal tersebut.

7.2. SEMASA OPERASI

Semasa hadir ke tempat kejadian dan menjalankan operasi kebombaian, setiap anggota unit ini hendaklah:

Bahagian II: Pemadaman / Menyelamat	TERHAD
Subjek: Unit Tindakan Cepat Bermotorsikal (Rapid Intervention Motorcycle) RIM	No POS: 2.1
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan: Jun 2006	Muka Surat: 3/8

- 7.2.1. **Keluar dengan serta merta** ketempat kecemasan apabila menerima arahan daripada bilik awasan/kawalan. Norma masa keluaran motorsikal adalah sama seperti norma keluaran jentera bomba (90 saat daripada masa terima panggilan).
- 7.2.2. **Dilarang** menjadi pengiring bermotorsikal kepada kenderaan bomba atau menahan kenderaan lain untuk memberi laluan kepada kenderaan bomba bagi hadir ketempat kecemasan.
- 7.2.3. Menunggang hendaklah dalam **jarak yang selamat**, mematuhi semua peraturan lalulintas, bertertib dan dalam disiplin yang tinggi samada dalam keadaan biasa ataupun dalam masa kecemasan. Menunggang dengan kelajuan yang tinggi, mencelah secara simpang - siur, potong memotong sesama sendiri, bercakap diantara satu sama lain dan membunyikan siren secara berlebihan adalah dilarang. Ketua atau mana-mana anggota yang tahu tempat kecemasan hendaklah mendahului pasukan.
- 7.2.4. Apabila sampai di tempat kejadian hendaklah meletakkan motorsikal di tempat yang sesuai dan tidak mengganggu lalulintas atau operasi. Hendaklah sentiasa bantu membantu antara satu sama lain. Motorsikal hendaklah diletakkan di **tempat yang selamat** dan tidak memungkinkan ia terjatuh, dicuri, hilang atau dirosakkan. Tindakan ini hendaklah dilakukan dengan cepat, cermat dan waspada.
- 7.2.5. Mematuhi **POS dan arahan jabatan** yang berkaitan dengan operasi kebombaan yang dijalankan.
- 7.2.6. Dalam keadaan di mana anggota unit tidak dapat menjalankan operasi kebombaan oleh disebabkan kebakaran atau kemalangan yang besar, **Ketua Unit RIM** ini hendaklah:
 - 7.2.5.1. Memaklumkan segera kepada bilik awasan/kawalan dan meminta bantuan tambahan.
 - 7.2.5.2. Mencari punca air, jika berlaku kebakaran.
 - 7.2.5.3. Membuat "**size up**" atau "**assessment**" tentang insiden tersebut dan maklumkan kepada Komander Operasi.

Bahagian II: Pemadaman / Menyelamat	TERHAD
Subjek: Unit Tindakan Cepat Bermotorsikal (Rapid Intervention Motorcycle) RIM	No POS: 2.1
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan: Jun 2006	Muka Surat: 4/8

7.2.5.4. Menenangkan mangsa dan memaklumkan bahawa pasukan bantuan akan tiba segera.

7.2.5.5. Menjalankan lain-lain tugas yang sewajarnya

7.2.5.6. Jika jentera sampai ke tempat kecemasan, ketua operasi unit RIM hendaklah dengan segera melapor kepada Pegawai Operasi dan menyerahkan tugas komander kepada beliau. Penugasan operasi

hendaklah dijalankan bersama dengan anggota daripada jentera bomba sehingga selesai.

7.3 SELEPAS OPERASI

Semasa balik dari tempat kejadian dan sampai ke balai, anggota unit ini hendaklah:

- 7.3.1. Memastikan semua peralatan mencukupi, dikemaskan dan diikat dengan kemas di motorsikal.
- 7.3.2. Membantu mengemaskan peralatan jentera bomba.
- 7.3.3. Menungguang secara berkumpulan dan seiring dengan jentera bomba samada di depan atau di belakang jentera bomba semasa pulang ke balai.
(Sekiranya operasi tamat pada masa yang sama)
- 7.3.4. Dilarang membunyikan siren atau menahan kenderaan lain untuk beri laluan kepada jentera bomba.
- 7.3.5. Membersihkan motorsikal dan semua peralatan yang digunakan serta meletakkan kembali pada motorsikal dalam keadaan kemas dan selamat.
- 7.3.6. Membuat pemeriksaan selepas operasi berpandukan check list dan menandakan di check list bahawa pemeriksaan selepas operasi telah dibuat.
- 7.3.7. Melaporkan kepada Pegawai Operasi atau bilik awasan/kawalan bahawa unit motorsikal sudah selesai menjalankan tugas dan siap sedia untuk tugas yang lain.

Bahagian II: Pemadaman / Menyelamat	TERHAD
Subjek: Unit Tindakan Cepat Bermotorsikal (Rapid Intervention Motorcycle) RIM	No POS: 2.1
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan: Jun 2006	Muka Surat: 5/8

8. ARAHAN AM

Setiap Pegawai dan anggota yang mengendalikan RIM ini hendaklah:

- 8.1. Memiliki Lesen Sah Memandu Malaysia kelas B yang berkuatkuasa dan diberi **kebenaran secara bertulis oleh Pengarah Bomba Negeri.**
(Rujuk Lampiran 6)
- 8.2. Memahami dan mematuhi akan undang-undang dan peraturan lalulintas, mahir dalam menunggang dan mengendalikan motorsikal berkuasa tinggi serta mahir mengendalikan peralatan - peralatan memadam kebakaran, peralatan menyelamat dan paramedik.
- 8.3. Memakai pakaian seragam celoreng yang lengkap. Di samping itu pakaian khas unit RIM seperti kasut, helmet, cermin mata gelap, sarung tangan dan lain-lain peralatan yang dibekalkan hendaklah dipakai.
(Rujuk Lampiran 7 dan 8)
- 8.4. Memastikan motorsikal dan peralatan operasi sentiasa berada dalam keadaan selamat, terikat kemas, bersedia untuk digunakan, bersih dan diselenggara mengikut jadual. Peralatan hendaklah sentiasa berada di motorsikal tersebut mengikut unit. Penggunaan peralatan dan motorsikal bagi tujuan lain atau pengalihan tempat peralatan adalah dilarang sama sekali.
- 8.5. Pada setiap masa, kuantiti bahanapi dalam tangki motorsikal ini hendaklah tidak kurang daripada 60% daripada paras maksimum muatan tangki tersebut.
- 8.6. Motorsikal diletakkan di tempat sesuai yang bebas daripada hujan dan panas serta sentiasa dapat dipantau dari bilik kawalan.
- 8.7. Menunggang dalam satu set (3 buah motorsikal) semasa menghadiri operasi atau membuat ujian menunggang (memanaskan enjin) atau sebarang keadaan lain yang memerlukan kehadiran unit ini **kecuali kepada keadaan tertentu** yang diarahkan oleh pegawai kanan.
- 8.8. Di samping menunggang motorsikal, semua anggota unit hendaklah juga mengawasi peralatan yang dibawa antara satu sama lain, jika didapati

Bahagian II: Pemadaman / Menyelamat	TERHAD
Subjek: Unit Tindakan Cepat Bermotorsikal (Rapid Intervention Motorcycle) RIM	No POS: 2.1
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan: Jun 2006	Muka Surat: 6/8

longgar ikatan atau kurang selamat, hendaklah dengan segera memaklumkan kepada anggota berkenaan.

- 8.9. Melaporkan dengan sertamerta kepada Pegawai Penjaga Balai atau pegawai terkanan yang hadir tentang kerosakan, kehilangan atau kecacatan terhadap motorsikal dan peralatannya dan ia **hendaklah direkodkan**.
- 8.10. Pegawai atau anggota terkanan dari segi pangkat hendaklah menjadi Ketua Unit RIM dan Ketua Operasi. Dalam ketidakhadiran ketua ini, pegawai atau anggota yang terkanan dari segi perkhidmatan hendaklah menjadi ketua.
- 8.11. Semua pergerakan RIM dan anggota unit ini hendaklah dicatat dalam **buku harian balai** yang berada di bilik kawalan.
- 8.12. Anggota RIM dikehendaki mencatat tugas operasi yang diarahkan dalam buku catatan unit RIM yang dibekalkan.
- 8.13. Hendaklah mematuhi semua arahan yang dikeluarkan dari masa ke semasa. Arahan-arahan terdahulu yang ada kaitan dengan penugasan dan pengoperasian unit ini jika tidak bercanggah juga hendaklah dipatuhi.
- 8.14. Mana-mana orang, selain daripada anggota unit ini atau mana-mana orang yang yang diserahkan tanggungjawab untuk membaiki dan menyelenggara kenderaan ini, tidak dibenarkan untuk membuat ujian seperti menghidupkan enjin, membunyikan siren, lampu atau lain-lain perkara yang akan mendatangkan kerosakkan kepada motorsikal ini. Sebarang ujian yang dijalankan hendaklah dengan kehadiran anggota RIM berkenaan.

9. **PENYELENGARAAN DAN PENJAGAAN MOTORSIKAL**

Penyelenggaraan dan Penjagaan Motorsikal hendaklah dilakukan seperti berikut:

- 9.1. Berpandukan kepada arahan jabatan berkaitan penyelenggaraan kenderaan bomba bil JBM/BPPP/07003/(4) bertarikh 20hb. November 1985

Bahagian II: Pemadaman / Menyelamat Subjek: Unit Tindakan Cepat Bermotorsikal (Rapid Intervention Motorcycle) RIM	TERHAD
	No POS: 2.1
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan: Jun 2006	Muka Surat: 7/8

9.2. Di samping itu pemeriksaan berikut hendaklah dilakukan:

9.2.1. Pemeriksaan harian – Memeriksa brek, lampu dan bahanapi – **Tindakan petugas**

9.2.2. Pemeriksaan Mingguan – Memeriksa tayar dan tekanan angin, cecair penyejuk, minyak pelincir dan air bateri – **Tindakan petugas**

9.2.3. Pemeriksaan Bulanan – Servis motosikal - Tindakan Woksyop

9.2.4. Lain-lain pemeriksaan atau penyelenggaraan yang diarahkan oleh Bahagian Kejuruteraan. Tindakan - Petugas dan worksyop.

9.3. Jika terdapat sebarang kekurangan pada sistem mekanikal yang berterusan, kerosakan atau kehilangan yang berkaitan dengan penyelenggaraan atau penjagaan motorsikal, hendaklah dengan serta merta lapor kepada Bahagian Kejuruteraan.

9.4. Semua anggota unit ini atau individu yang bukan daripada Bahagian Kejuruteraan atau wakil kepada pembekal motorsikal adalah **tidak dibenarkan** untuk membaiki sebarang kerosakkan ini. Keperluan pembaikan yang ringan dan bukan teknikal dan bukan berkaitan enjin adalah dibenarkan setakat mana kemampuan dan kemahiran anggota.

10. KOMUNIKASI

10.1. Komunikasi yang jelas, tepat dan ringkas hendaklah sentiasa diamalkan oleh setiap anggota yang terlibat dalam operasi ini.

10.2. Tatacara penghantaran dan penerimaan maklumat hendaklah sentiasa dipatuhi pada setiap masa (Perintah Tetap Operasi Bil. 3/2002)

10.3. Peralatan komunikasi radio wireless yang sesuai perlu digunapakai semasa operasi. (Perintah Tetap Operasi Bil. 3/2002)

Bahagian II: Pemadaman / Menyelamat Subjek: Unit Tindakan Cepat Bermotorsikal (Rapid Intervention Motorcycle) RIM	TERHAD
	No POS: 2.1
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan: Jun 2006	Muka Surat: 8/8

10.4. Sentiasa mengekalkan perhubungan radio wayarless di antara:

10.4.1. Balai

10.4.2. Tempat Kejadian

10.4.3. Bilik Kawalan, Ibu Pejabat JBPM negeri.

11. Tarikh Kuatkuasa

Prosedur Operasi Seragam ini berkuatkuasa mulai

1

Jun 2006


(DATO' HAMZAH BIN ABU BAKAR)
Ketua Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat,
Malaysia.
Tarikh:

MOTOR RESCUE

Lampiran 1



2 Unit Oksigen



Battery
Charger For
Cutter



Advance Firefighting
Technology




Rescue Cutter



Peralatan Para Medic



2 Unit Lampu Suloh



Rope Pad



Safety Belt
Webbing
Glove
Pulley
Ascender
Prussic
Figure Of Eight
Karabiner



Sawar - Sawar



Tali Penyelamat



Body Harness

MOTOR PAM

Lampiran 2



2 Unit Alat Pemadam Api
Jenis ABC



1. Floating Pump
2. Hydrant Key & Bar
3. Base Stand Pipe
4. Top Stand Pipe Double Outlet



Safety Belt



1. Hydrant Adaptor
2. False Spindle
3. Grappling Iron
4. Tali



Sawar - Sawar



Soft Suction

MOTOR HOS

Lampiran 3



Tali Pandu



Sawar - Sawar



Nozzle



**2 unit Alat Pemadam Api
Jenis ABC**



Delivery Hose



**1. 2 Unit Alat Pernafasan
2. Face Mask**



Safety Belt

INVENTORI MOTOR RESCUE

BIL	PERALATAN	JUMLAH
1.	Topi Keledar (Helmet)	1 unit
2.	Cermin Mata Gelap (Sun Glasses)	1 unit
3.	Sarung Tangan Kulit (Leather Glove)	1 pasang
4.	Advance fire fighting technology	1 unit
5.	Battery cutter	1 unit
6.	Para medic set	1 set
7.	Lampu suluh	2 unit
8.	Oxygen	1 unit
9.	Battery charger for cutter	1 unit
10.	Body harness	1 unit
11.	Safety belt	1 unit
12.	Sawar-sawar	1 gulung
13.	Tali penyelamat	1 unit
14.	Webbing	1 unit
15.	Figure of eight	1 unit
16.	Karabiner	1 unit
17.	Pulley	1 unit
18.	Ascender	1 unit
19.	Tali prusick	1 unit
20.	Rope pad	1 unit
21.	Walkie Talkie	1 unit
22.	Radio Set	1 set

INVENTORI MOTOR HOS

BIL	PERALATAN	JUMLAH
1.	Topi Keledar (Helmet)	1 unit
2.	Cermin Mata Gelap (Sun Glasses)	1 unit
3.	Sarung Tangan Kulit (Leather Glove)	1 pasang
4.	Alat pernafasan	2 set
5.	Face mask	2 unit
6.	Safety belt	1 unit
7.	Nozzle	1 unit
8.	Sawar-sawar	1 gulung
9.	Alat pemadam api (ABC 1 kg)	2 unit
10.	Delivery hose	2 gulung
11.	Tali pandu	1 gulung
12.	Walkie Talkie	1 unit
13.	Radio Set	1 set

INVENTORI MOTOR PAM

BIL	PERALATAN	JUMLAH
1.	Topi Keledar (Helmet)	1 unit
2.	Cermin Mata Gelap (Sun Glasses)	1 unit
3.	Sarung Tangan Kulit (Leather Glove)	1 pasang
4.	Floating pump	1 unit
5.	Hydrant key & bar	1 unit
6.	Base stand pipe	1 unit
7.	Sawar-sawar	1 gulung
8.	Top stand pipe double outlet	1 unit
9.	Safety belt	1 unit
10.	Alat pemadam api	2 unit
11.	Hydrant adaptor	1 unit
12.	False spindle	1 unit
13.	Soft suction	1 unit
14.	Gripping iron with rope	2 unit
15.	Walkie Talkie	1 unit
16.	Radio Set	1 set

CARTA ALIRAN KERJA UNIT RIM



KEPALA SURAT JABATAN

NAMA DAN PANGKAT ANGGOTA

Tuan,

SURAT PERLANTIKAN ANGGOTA UNIT TINDAKAN CEPAT BERMOTOSIKAL JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA, NEGERI.....

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Dengan ini jabatan telah bersetuju untuk melantik tuan (NAMA).....
..... (NO KP).....dari (BALAI/UNIT)...sebagai anggota Unit Tindakan Cepat
bermotosikal JBPM Negeri.....

3. Sehubungan dengan itu, tuan adalah dikehendaki mematuhi semua peraturan –
peraturan jalanraya dan arahan jabatan semasa mengendalikan motosikal ini.
Perlantikan ini adalah berkuatkuasa dari dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian terima kasih

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah

t.t. YS Pengarah

AKSESORI PAKAIAN



Cermin Mata Gelap
(Yang Dibekalkan Oleh JBPM)

Tali Pinggang
(Yang Dibekalkan Oleh JBPM)

Sarung tangan kulit
(Yang Dibekalkan Oleh JBPM)



Helmet
(Yang Dibekalkan Oleh JBPM)

Kasut Ankle Boot
(Yang Dibekalkan Oleh JBPM)

**Inventory Aksesori
Setiap Anggota Unit RIM**

BIL	AKSESORI	JUMLAH
1.	Topi Keledar (Helmet)	1
2.	Cermin Mata Gelap (Sun Glasses)	1
3.	Sarung Tangan Kulit (Leather Glove)	1 pasang